

2012

Pelajar Kuis desak RRSB kaji balik caj asrama

9 Disember 2012

<http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/pelajar-kuis-desak-rrsb-kaji-balik-caj-asrama-1.111092>

SHAH ALAM - Sekumpulan penuntut Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis) berhimpun secara aman di hadapan kediaman seorang pemimpin Barisan Nasional (BN) Selangor kerana tidak berpuas hati dengan bayaran asrama dikenakan syarikat miliknya, yang terlalu tinggi sehingga membebankan mahasiswa terbabit.

Seramai 20 mahasiswa Kuis menyerahkan memorandum mendesak agar syarikat milik Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permatang, Sulaiman Razak itu mengkaji semula caj asrama yang didakwa tidak munasabah.

"Kami mencabar beliau (Sulaiman) supaya menarik balik kontrak syarikatnya yang mengenakan kadar sewa asrama pelajar yang tidak munasabah dan membebankan," kata Azrul Tahir, Pengerusi gerakan Demi Mahasiswa Kuis (DMK) yang ditemui pemberita di hadapan kediaman Adun Permatang itu di sini, hari ini.

Beliau berkata, penyerahan memorandum membantah isu yuran asrama hari ini merupakan kali kedua.

Sebelum ini pihaknya menyerahkan memorandum pada 14 September lalu, namun sehingga kini dakwa beliau tidak mendapat sebarang maklum balas positif daripada pihak syarikat.

"Kami dah beri mereka tempoh lebih sebulan dan sekarang dah tamat tempoh pun, kali ini kami beri mereka lanjutan masa kerana tiada suara daripada mereka," katanya.

Kumpulan mahasiswa itu hadir kira-kira jam 12.20 tengah hari sambil memegang sepanduk dan kain rentang tertulis 'Kroni kaya mahasiswa menderita, mahasiswa desak yuran asrama Kuis turun', mendakwa pihak pengurusan Kuis mengugut pelajarannya dengan mewajibkan mereka mendiami asrama sepanjang pengajian mereka.

"Kuis ugut kami, jika nak teruskan pengajian, pelajar wajib daftar masuk penginapan, baru boleh daftar kursus," katanya.

Katanya, pada masa ini, seramai 4,500 penuntut Kuis tinggal di asrama milik RRSB, yang boleh memuatkan sehingga 6,000 penuntut dalam satu masa.

Bagaimanapun kumpulan pelajar Kuis itu hampa kerana gagal menemui Adun Permatang,

dipercayai berada di Perak atas urusan peribadi.

Mereka beredar pada jam 1 tengah hari selepas memasukkan dokumen memorandum bantahan tersebut ke dalam peti surat kediaman pemimpin Umno tersebut.

Ditanya apa tindakan selepas ini, beliau berkata, DMK akan menyerahkan memorandum yang sama kepada Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dalam masa terdekat.

Selain itu katanya, isu ini perlu diselesaikan secepat mungkin memandangkan ramai pelajar Kuis terpaksa menanggung pengajian mereka susulan kos yuran asrama yang membebaskan itu.

Berdasarkan carian nama di Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Sulaiman memiliki pegangan saham RRSB sebanyak 51 peratus manakala isterinya enam peratus manakala 43 peratusnya pula adalah milik pemaju Bina Puri Holdings Berhad.

RRSB dianugerahkan konsesi asrama Kuis bernilai RM15.4 juta setahun selama 33 tahun itu semasa Dr Mohamed Khir Toyo menjadi Menteri Besar Selangor